



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL (tengah) diberi penerangan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian NPK Fertilizer Abd. Halim Hamzah (kiri) ketika lawatannya di Gurun, Kedah semalam. - UTUSAN / FARIZ RUSADIO

'Orang luar jangan campur'

GURUN 4 Ogos - Setiausaha Agung PKR Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menasihatkan orang 'di luar kelambu' Pakatan Harapan (PH) supaya tidak mencampuri urusan parti itu apatah lagi dalam menentukan tempoh peralihan jawatan Perdana Menteri.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu mengingatkan bahawa mereka yang mengulas isu berkenaan iaitu hampir setiap hari, tidak berada dalam mesyuarat merangka formula tempoh peralihan Perdana Menteri.

Beliau menarik perhatian bahawa satu formula yang dicapai sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) berhubung perkara itu secara konsensus antara kepimpinan empat komponen parti

di dalam PH dan sudah memadai.

"Konsensus telah dicapai dan formula (tempoh peralihan Perdana Menteri) ini disepakati oleh empat komponen parti sebagai tawaran PH kepada rakyat sebelum pilihan raya (PRU-14).

"Saya sendiri terlibat dalam merangka formula itu. Dalam kalangan mereka yang diam ini (tidak memberi kenyataan) adalah yang terlibat secara langsung dalam membina formula ini.

"Tetapi yang banyak bercakap adalah mereka yang berada di luar kelambu," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan kerja beliau ke Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd., di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengurusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Na-

fas) Datuk Phahrolrazi Mohd. Zawawi dan Pengurus Besar Na-fas Ahmad Shaari.

Semalam, Setiausaha Agung Otai Reformis Abdul Razak Ismail berkata, pihaknya akan menetapkan tarikh untuk Dr. Mahathir menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Presiden PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Gesaan itu didakwa dilakukan kerana Pengurusi PH itu tiada pendirian tetap untuk berundur.

Saifuddin seterusnya meminta semua pihak memberi ruang kepada PH untuk melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat.

Kata beliau, sekiranya isu tempoh peralihan jawatan Perdana Menteri itu 'dikitar semula' pada setiap hari akan menyebabkan rakyat menjadi meluat.